



PTPTN

MEREALISASIKAN CITA-CITA ANDA



**Pilihan Masa
Depan Anda**

Sambutan Ulang Tahun PTPTN ke - 15

PTPTN ditubuhkan berdasarkan semangat pendemokrasian pendidikan bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pengajian tinggi. Hari ini, kita dapat lihat lebih 200,000 orang pelajar setiap tahun berpeluang menjelaskan kaki sama ada ke IPT awam maupun swasta melalui

pembentukan PTPTN dan ini membuktikan bahawa PTPTN masih relevan dalam konteks masyarakat Malaysia hari ini



DATUK SERI MOHAMED
KHALED NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi

Bulan ini, genap 15 tahun PTPTN menyediakan pembiayaan pendidikan bagi memastikan generasi muda berpengetahuan dan berketerampilan untuk meneraju negara pada masa hadapan. Pengumuman Bajet 2013 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah hadiah kepada rakyat dalam bentuk pemberian insentif 20 peratus dan 10 peratus kepada penerima biaya PTPTN. Di samping itu, insentif pelepasan taksiran cukai kepada pendeposit SSPN-1 jelas membuktikan keprihatinan kerajaan melalui PTPTN dalam bidang pengajian tinggi negara selaras dengan tema 'Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat : Sebuah Janji Ditepati.'

DATUK ISMAIL MOHAMED SAID
Pengerusi PTPTN

PTPTN kini mampu melebarkan sayap perkhidmatan dengan penubuhan Pejabat PTPTN Negeri bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat di seluruh negara. Selain memastikan kesinambungan pembiayaan pendidikan pada masa hadapan, pengecualian bayaran balik pembiayaan PTPTN turut diberikan kepada para penerima biaya yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama dan insentif-insentif lain sebagai tanda pengiktirafan

AGOS CHOLAN
Ketua Eksekutif PTPTN



AHLI LEMBAGA PENGURUSAN PTPTN



Pencapaian dan kejayaan

- Tempat pertama Pertandingan Laman Web Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selama tiga tahun berturut-turut pada 2007, 2008 dan 2009
- Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) tahun 2011
- Pengiktirafan lima bintang oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan bagi tahun 2012

Pengiktirafan ISO

- MS ISO 9001:2008 pada 17 September 2004 manakala pada 10 Oktober 2010, PTPTN berjaya memperoleh pensijilan bagi standard versi 2008 (MS ISO 9001:2008)

Produk Syariah

- Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-1) diiktiraf sebagai produk patuh Syariah oleh Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) pada 30 November 2011
- Pelarasan 3 peratus kepada 1 peratus (Ujrah) pembiayaan pendidikan ditawarkan kepada penerima biaya mulai tahun 2010

Pengerusi PTPTN

DATUK SERI AHMAD HUSNI HANADZLAH
1 November 1997 - 12 Julai 2004ALLAHYARHAM DATUK RAZALI ISMAIL
13 Julai 2004 - 31 Mei 2008DATUK DR. MOHAMAD SHAHRUM OSMAN
1 September 2008 - 31 Ogos 2010DATUK ISMAIL MOHAMED SAID
1 September 2010 - sekarang

PTPTN sentiasa di hati rakyat

FAKTA

Sehingga 30 September tahun ini, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada **2.09 juta** penerima biaya melibatkan peruntukan berjumlah **RM46.87 bilion** sehingga tamat pengajian.

HARI ini genap 15 tahun, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menjadi ‘nya-wa’ dan memenuhi impian anak muda di negara ini melanjutkan pengajian ke menara gading.

Dengan visi untuk menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015, PTPTN sentiasa meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa supaya lebih dekat di hati rakyat.

Hal demikian memastikan sistem pembiayaan yang efisien dapat disediakan bagi mengelak pelajar daripada gagal memasuki institusi pengajian tinggi (IPT)

atas sebab-sebab kewangan.

Sehingga 30 September tahun ini, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada 2.09 juta penerima biaya melibatkan peruntukan berjumlah RM46.87 bilion sehingga tamat pengajian.

Secara dasarnya, PTPTN diwujudkan bertujuan mengatasi masalah peruntukan untuk biasiswa yang terhad sedangkan negara memerlukan modal insan berkemahiran dan berpengetahuan bagi mencapai taraf negara maju.

Langkah tersebut juga penting untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk berumur 17 hingga 23 tahun berpeluang mengikuti pendidikan di

peringkat tinggi menjelang tahun 2020.

Bagi meningkatkan kesedaran menabung dalam kalangan rakyat Malaysia, PTPTN memperkenalkan kemudahan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-1) dengan deposit serendah RM20 sebulan.

Perkhidmatan terbaru ini diharap dapat membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menikmati pendidikan berkualiti pada masa hadapan.

Usaha ini amat penting bagi mengatasi masalah kewangan yang seringkali membenggu ibu bapa apabila anak-anak mereka melanjutkan pengajian ke IPT.

Ketua Eksekutif PTPTN

▶ PROF. DATUK DR. SUDIN HARON
1 November 1997 - 31 Ogos 1998

▶ MOHAMED ABDUL LATIFF
15 Mei 1999 - 30 Mei 2002

▶ ABDUL WAHAB ABDUL AZIZ
1 Jun 2002 - 31 Mei 2004

▶ DATUK OTHMAN JUSOH
2 Ogos 2004 - 31 Julai 2006

▶ YUNOS ABD. GHANI
1 September 2006 - 15 Mac 2010

▶ AGOS CHOLAN
21 Februari 2011 - kini

INFO

PTPTN ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997 di Bangunan Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, Kuala Lumpur.





Pembangunan hingga ke peringkat PhD

Kelulusan pembangunan pendidikan mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2011

Diploma
67,072

Ijazah Sarjana Muda
63,357

Integrasi
4,336

Ijazah Sarjana
3,134

Kursus Profesional
333

Doktor Falsafah (PhD)
143

PERANAN PTPTN dalam menawarkan pembangunan pendidikan ternyata mampu mengubah taraf hidup rakyat sekali gus merealisasikan matlamat melahirkan generasi minda pertama.

Perkara ini juga selaras dengan dasar kerajaan memberi fokus utama dari segi pembangunan modal insan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Seiring dengan aspirasi tersebut, mulai 1 Mac 2007, pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian secara jarak jauh atau separuh masa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Integrasi, Ijazah Sarjana, Doktor Falsafah (PhD) dan Kursus Profesional layak mendapat pembangunan pendidikan PTPTN.

Jumlah pembangunan hanyalah

untuk membayai yuran pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan tidak melebihi jumlah maksimum seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling PTPTN Bilangan 2 Tahun 2007.

Bagi memudahkan permohonan dibuat, pelajar boleh mengemukakan permohonan secara *online* yang mula diperkenalkan pada tahun 2010 menerusi www.ptptn.gov.my.

Statistik kelulusan pembangunan pendidikan kepada pelajar IPT

Tahun 2010
Jumlah penerima **238,722**
Jumlah pembangunan **RM5.52 bilion**

Tahun 2011
Jumlah penerima **227,209**
Jumlah pembangunan **RM6.04 bilion**



FAKTA

Pembangunan pendidikan PTPTN (Sehingga 30 September 2012)


Kategori pembangunan	Bilangan penerima biaya	Jumlah pembangunan
Penuh Pendapatan tidak melebihi RM4,000	1.90 juta	RM43.46 bilion
Sebahagian Pendapatan melebihi RM4,000 hingga RM5,000	121,764	RM2.24 bilion
Yuran Pendapatan melebihi RM5,000	65,056	RM1.16 bilion

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	
LOT G2, TINGKAT BAWAH, WISMA CHASE PERDANA, OFF JALAN SEMANTARA, DAMANSARA HEIGHTS, 50490 KUALA LUMPUR.	
Tel: 03-2080 4455 (Hotline) Fax: 03-2094 2769 Web: www.ptptn.gov.my	
890916086332 NUR HIDAYAH BINTI FUZI LOT 270, KG. PADANG LANAS, BELANGA 10000 KUALA KRAJ KELANTAN SURAT TAWARAN WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN Sekiranya dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) Pertama Nasional (PTPTN). WPP ini adalah sebahagian daripada Pembentukan Pendidikan PTPTN berdasarkan tawaran seperti berikut:	TARIKH 08/08/2012 RIJUJUKAN 18822012 NO. CEC CIMB
i) WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN RM 1,500.00 ii) KADEAH BAYARAN BALIK POTONGAN RMS60.00 SETIAP SEMESTER PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN, LAIN YANG DITETAPKAN OLEH PTPTN SEMASA iii) NOMBOR WARAN	
2. Tujuan/warai adalah bertanggungjawab untuk memulangkan kembali waran ini dengan segera ke Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), jika tuan/puan tidak bercadang untuk memohon Pembentukan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).	
3. Sekiranya, tuan/puan lalih/pun menunaikan waran tetapi tidak diluluskan Pembentukan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tarikh waran ("tempoh tersebut"), tuan/puan dikehendaki membayar balik WPP tersebut dengan tuan/puan gagal bertemu demikian, pempasan (twid) sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas balik.	
4. Walau apa pun yang dinyatakan di perenggan 3 di atas, PTPTN berhak mengambil bantahan per undang ke atas tujuan/waran selepas tempoh tersebut tamat. Tujuan/waran dengan ini memberi pengakuan akhir pada pos atau pos berduaan atau ditanggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam surat tawaran ini dan hendaklah ditutup sebagai diterima oleh tuan/puan selepas empat puluh tapan (48) jam nota tersebut dihantar.	
5. Sebarang notis yang hendak dibentuk oleh PTPTN mengenai pembayaran balik WPP kepada tuan/puan dan pernyataan tertuntut akan menjadi peryataan yang cukup kepada tuan/puan jika diberitahu melalui pos atau pos berduaan atau ditanggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam surat tawaran ini dan hendaklah ditutup sebagai diterima oleh tuan/puan selepas empat puluh tapan (48) jam nota tersebut dihantar.	
6. Surat tawaran ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pembentukan yang akan ditandatangani bersama.	
7. Sekiranya tuan/puan berselaku menerima tawaran ini, sila lengkapkan surat persetujuan waran pihak bank semasa menunaikan waran.	
8. Walau apa pun peraturan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-kata masa berlakunya sejalan dengan tertulis dan tujuannya adalah terlakuk kepada pertama-pertama.	

Cara memohon WPP

Siapa layak terima WPP?

Pelajar yang mengisi borang permohonan online kemasukan ke institusi pengajian tinggi melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) dan menyatakan persetujuan menerima tawaran WPP.



Adakah pelajar perlu membayar semula WPP ini?

Bagi pelajar yang diluluskan pembentukan pendidikan PTPTN, waran WPP yang ditunai akan ditolak sebanyak RM500 setiap semester.

Bagaimana menunaikan WPP tersebut?

Waran WPP berjumlah RM1,500 boleh ditunaikan di mana-mana cawangan CIMB Bank. Tetapi waran tersebut hanya boleh ditunaikan di kaunter bank sahaja dan bukan melalui mesin deposit cek. Pelajar dikehendaki hadir sendiri dengan mengemukakan MyKad semasa menunaikan waran tersebut.



PENGGERUSI PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said beramah mesra dengan penerima waran WPP bagi peringkat Parlimen Kuala Krau di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran, Pahang.

FAKTA

Sehingga 30 September 2012, sebanyak **583,634** waran WPP ditunaikan berjumlah **RM856.86 juta** melibatkan pelajar di seluruh negara

WPP RM1,500 ringankan beban awal di IPT

KEBAJIKAN golongan kurang berkemampuan sering mendapat tumpuan kerajaan. Apatah lagi, perkara ini berkait rapat dengan aspek pendidikan.

Sehubungan itu, PTPTN melaksanakan pemberian Wang Pendahuluan Pembentukan (WPP) kepada para pelajar mulai tahun 1999 yang dikenali sebagai Wang Pendahuluan Diri (WPD).

Bagaimanapun pada tahun 2003, WPD telah ditukar kepada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP). Selaras dengan kaedah baharu pengurusan pembentukan pendidikan PTPTN berlandaskan prinsip Syariah, sekali lagi ia ditukar kepada Wang Pendahuluan Pembentukan pada Disember 2008.

WPP ini kemudian diperluaskan kepada pelajar yang ditawar-

kan tempat ke politeknik bagi program diploma mulai tahun 2010. Sebelum ini, WPP hanya terbuka kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA sahaja.

Menerusi kemudahan pembentukan ini, pelajar diberi waran bernilai RM1,500 dengan tempoh sah laku yang ditetapkan. Pemberian WPP ini dapat membantu meringankan beban ibu bapa dan pelajar sebagai persediaan ke IPT.

Bagi memastikan waran WPP ini dimanfaatkan sepenuhnya, pelajar perlu bijak menguruskan kewangan dengan baik dan berjimat cermat dalam setiap perbelanjaan.

PENERIMA Wang Pendahuluan Pembentukan mendapatkan waran masing-masing di kaunter PTPTN.





Program endowment di Universiti Malaya

PENGAGIHAN sumbangan berjumlah RM10,000 bagi Dana Kebajikan Pelajar sempena Program Selangkah ke Universiti, Universiti Malaya (UM) melibatkan 25 pelajar kurang berkemampuan. Program tersebut disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor.



Baik pulih 10 buah rumah

PROGRAM baik pulih 10 buah rumah di Limbang dan Batang Sadong, Sarawak yang diselaraskan Kolej Komuniti dan politeknik tempatan ini memberi peluang kepada isi rumah kurang berkemampuan menikmati taraf hidup lebih selesa.



Persidangan Saintifik Pelajar Pergigian Peringkat Kebangsaan

SEBANYAK RM20,000 disumbangkan oleh PTPTN untuk Persidangan Saintifik Pelajar Pergigian Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 25 Mei bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam.



Sumbangan Projek Khidmat Masyarakat di UUM

SEBAGAI tanda keprihatinan terhadap mangsa banjir di Kedah, pasukan sukarelawan Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak melepaskan peluang dengan turut serta menjalankan projek khidmat masyarakat bagi membantu mereka yang memerlukan.



Perasmian Yayasan Sukarelawan Siswa

BAGI menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan, PTPTN menghulurkan peruntukan berjumlah RM1 juta kepada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dalam satu majlis perasmian yang diadakan pada 21 Mac lalu di UiTM Shah Alam. YSS menjadi platform kepada pelajar untuk mendampingi masyarakat menerusi program khidmat bakti dan kebajikan.

Pelbagai inisiatif dekat segenap lapisan masyarakat

PTPTN terus berbakti

SELARAS dengan peranan PTPTN untuk memastikan tiada keciciran pelajar ke menara gading akibat masalah kewangan, PTPTN tidak ketinggalan melaksanakan pelbagai program sosial bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat man-

faatnya. Atas rasa tanggungjawab sosial, PTPTN bergerak ke seluruh pelosok negara termasuk di kawasan pedalaman dalam usahanya memupuk kesedaran orang ramai tentang kepentingan pengurusan kewangan yang baik dan pembelajaran

sepanjang hayat. Dalam pada itu, pelaksanaan program tersebut berupaya merapatkan hubungan PTPTN dengan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara serta masyarakat setempat.



Majlis Bersama Rakyat di Rantau Panjang

MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin merasmikan Majlis Bersama Rakyat dan Penyerahan WPP kepada para pelajar di kawasan Parliment Rantau Panjang. Majlis ini diadakan di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Pasir Mas, Kelantan.



Program kerjasama PTPTN dan AKPK

SEBANYAK 100,000 buku bertajuk Power terbitan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) diedarkan secara percuma kepada pelajar yang menghadiri taklimat pengurusan wang anjuran PTPTN dan AKPK. Program tersebut mula diadakan tahun lalu bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab dan pengurusan wang secara berhemah bagi mengelakkan sebarang masalah pembayaran pembiayaan pendidikan.



Lawatan ke kampus Uniten

BAGI tujuan mendekatkan PTPTN dengan pelajar, Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said meluangkan masa dengan mengunjungi warga kampus Universiti Tenaga Nasional (Uniten) cawangan Pahang pada 18 Julai lalu. Pada lawatan tersebut, beliau dan pegawai PTPTN menyertai sesi dialog bersama-sama pelajar bagi mendengar sendiri masalah mereka terutama berkaitan pengurusan wang.



Khidmat Masyarakat di Merbok, Kedah

PROGRAM ini diadakan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Merbok serta Jawatankuasa Kerja Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKP) di beberapa buah kampung di Parlimen Merbok. Antara aktiviti yang dijalankan adalah gotong-royong membersihkan rumah dan surau, ceramah motivasi untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PMR, SPM dan STPM.

Layak memohon pemberian pendidikan PTPTN

Perlindungan takaful secara percuma

Pemberian geran sepadan

Simpanan mudah

Dividen yang kompetitif

Kemudahan simpanan melalui potongan gaji

Dijamin kerajaan

Selaras dengan pembentangan Bajet 2013, pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa telah dinaikkan daripada RM3,000 kepada **RM6,000**

Ke arah kejayaan dengan SSPN-i

RAKYAT Malaysia amat bertuah kerana peluang melanjutkan pengajian hingga ke peringkat tertinggi sentiasa terbuka luas.

Bahkan, kerajaan melaksanakan pelbagai pendekatan proaktif bagi memperkasa pendidikan di peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi (IPT).

FAKTA

Sehingga 30 September 2012, jumlah pembukaan akaun SSPN-i mencecah **1,404,319** akaun dengan jumlah deposit **RM653.89** juta.

Dividen SSPN-i bagi tahun 2011 ialah **3.75** peratus

Namun, kos pendidikan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun hingga kadangkala membebankan ibu bapa terutama yang berpendapatan rendah.

Senario yang berlaku 20 atau 30 tahun lalu yang mana ada ibu bapa terpaksa menggadaikan tanah pusaka atau harta benda demi pendidikan anak-anak, tidak harus diulangi semula.

Menyedari hakikat tersebut, PTPTN memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) pada tahun 2004. Ini sebagai langkah awal untuk memupuk kesedaran menabung bermula dari peringkat awal.

SSPN telah diiktiraf oleh Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) sebagai SSPN-i pada 30 November 2011.

Dengan pengiktirafan tersebut, bermakna pendeposit telah melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka melalui kontrak

mewakilkan untuk tujuan pelaburan'.

Pembukaan akaun SSPN-i tidak terhad kepada ibu bapa atau penjaga sahaja tetapi terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Pelaksanaan produk SSPN-i ini bukan sahaja mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk memastikan masyarakat Malaysia bijak membuat perancangan kewangan tetapi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

Kecemerlangan akademik harus bermula dengan SSPN-i, kini tiada lagi halangan untuk mencapai cita-cita ke menara gading.



TABUNGAN pendidikan amat penting sebagai persediaan anak-anak melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi suatu hari nanti.



Tahukah anda?

- Logo SSPN-i adalah kombinasi duit syiling dan buku yang melambangkan simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi dan warna biru dikekalkan berasaskan kepada warna korporat PTPTN dan huruf 'i' selepas SSPN melambangkan produk berlandaskan Syariah.



**Rebut peluang anda
pada siri kedua bermula
23 September-23 Disember**



SIMPANAN **BONANZA!**

Dengan Kerjasama
BANK ISLAM

SSPN-i
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL



Ingin Memenangi
Wang Tunai

RM100,000.00?

REBUTLAH PELUANG
Menabung Dengan **SSPN-i**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 01 Terbuka kepada pendeposit yang membuka akaun atau membuat penambahan deposit SSPN-i melalui Bank Islam sekurang-kurangnya RM100 dalam tempoh promosi;
- 02 Pendeposit perlu mengekalkan deposit tersebut dalam tempoh 30 hari sehingga tarikh akhir setiap siri cabutan untuk melayakkan menyertai Simpanan Bonanza! dan
- 03 Semua pendeposit SSPN-i layak menyertai Simpanan Bonanza kecuali warga kerja PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak) serta kakitangan IBFM dan Bank Islam.

** Untuk maklumat lanjut syarat penyertaan, sila layari portal rasmi PTPTN

www.ptptn.gov.my



MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Simpanan Bonanza!, Koh Bee Ling dan suaminya, Tan Hen Saw yang membawa pulang wang tunai RM100,000.

Pemenang siri pertama Simpanan Bonanza!

Tempat pertama

Saya mula menyimpan dengan SSPN-i pada tahun 2004 ketika anak saya berusia 11 tahun. Kini, setelah lapan tahun, anak sulung saya dapat melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Universiti AIMST. Kemenangan ini sangat bertepatan pada masanya kerana saya dapat gunakan untuk menampung sebahagian daripada pendidikan anak saya di universiti kelak.

KOH BEE LING, 49

Guru Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah

Tempat kedua

Kemenangan ini adalah rezeki anak-anak. Saya memilih menyimpan SSPN-i demi masa depan mereka. Apatah lagi, SSPN-i dijamin oleh kerajaan dan mempunyai banyak kelebihan seperti pengeluaran cukai. Bagi saya, pendidikan adalah satu pelaburan yang baik.

GOBI SURINARAYANAN, 43

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk projek Jambatan Kedua Pulau Pinang

Tempat ketiga

Berkat dorongan ayah yang ingin melihat masa depan saya lebih terjamin, saya memilih untuk menyimpan dalam SSPN-i. Selepas setahun, saya dapat SSPN-i adalah satu saluran pembiayaan yang baik bagi pelajar terutama jika mahu melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

HAJIRA SULAIMAN, 20

Pelajar tahun dua Sains Biometrik di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam

Saya sudah membuat perancangan untuk jaminan pendidikan anak-anak sewaktu mereka masih kecil lagi. Kini, anak sulung saya baru memasuki tingkatan satu dan saya berharap simpanan dalam SSPN-i dapat membantu apabila dia menjelaskan kaki ke menara gading.

AZUAN ABU BAKAR, 44

Ahli bomba

Simpanan Bonanza! tawar hadiah sehingga RM100,000

BAGI menggalakkan penabungan SSPN-i, PTPTN memperkenalkan promosi, Simpanan Bonanza! yang menawarkan hadiah berupa wang tunai sehingga RM100,000.

Siri pertama Simpanan Bonanza! telah berakhir pada 22 September lalu manakala siri kedua pula bermula 23 September hingga 23 Disember 2012.

Untuk menyertai Simpanan Bonanza! ini, setiap RM100 yang layak akan mendapat satu cabutan.

Walau bagaimanapun, jumlah bilangan cabutan ditentukan berdasarkan jumlah simpanan bersih terkumpul sehingga tarikh akhir tempoh promosi yang turut merangkumi simpanan bersih sebelum tempoh promosi berdasarkan penyata akaun pendeposit.

Namun, simpanan yang belum mencapai tempoh 30 hari daripada tarikh akhir promosi tidak diambil kira dalam penentuan jumlah cabutan.

Terdapat tiga kategori hadiah yang ditawarkan kepada pemenang iaitu tempat pertama akan menerima wang tunai berjumlah RM100,000 (diterima oleh seorang pemenang), tempat kedua pula akan menerima wang tunai berjumlah RM10,000 (diterima oleh seorang pemenang) dan hadiah tempat ketiga berjumlah RM1,000 (akan diberikan kepada 20 pemenang).

Hadiah kepada pemenang akan diberikan dalam bentuk wang tunai dan dikreditkan terus ke akaun SSPN-i pendeposit sebagai penambahan deposit.



MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semasa melancarkan logo baru SSPN-i dan promosi Simpanan Bonanza! di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor.



Sebenarnya, tanpa kita sedari, bantuan kewangan ini telah merealisasikan impian dan harapan ramai orang. Tidak semua daripada kita dilahirkan dalam keluarga yang berkemampuan, maka bantuan seperti ini amat diharapkan

NORHALIZA SULAIMAN, 26
Penganalisa Sistem di Pac Design Sdn. Bhd., Bangunan Telekom (TM) Kelana Jaya



Masyarakat kini sedar bahawa sektor pendidikan menjamin masa depan mereka dengan adanya PTPTN. Ia memberi banyak peluang untuk anak muda meneruskan cita-cita dalam bidang yang diminati

AZLAN SHAH, 28
Pelukis Pelan



Satu langkah bagus diambil kerajaan kerana mendorong lebih ramai penerima biaya melunaskan pembiayaan pendidikan mereka. Tetapi bukankah ini juga satu tanggungjawab buat mereka tanpa perlu menunggu apa-apa diskau

HOE KIAH FAI, 26
Underwriter Insurance

Dorong untuk cemerlang akademik

PENGECUALIAN bayaran balik bagi penerima ijazah sarjana muda kelas pertama ibarat pucuk dicita ulam mendatang. Manakan tidak, setelah berhempsah pulas di kampus akhirnya usaha mereka membawa kejayaan. Bagi

PTPTN, langkah tersebut sebagai satu dorongan motivasi untuk pelajar lebih cemerlang dan seterusnya mencapai impian mereka. PTPTN hanya menyediakan platform awal, tetapi, tanpa usaha gigih dan kerja keras

serta semangat yang tinggi, adalah mustahil untuk berjaya. Walau apa pun, rata-rata pelajar yang menerima ijazah sarjana muda kelas pertama ini amat bersyukur dengan peluang yang diberikan oleh PTPTN.

Ingatkan 45 staf tentang tanggungjawab mereka - Nizam

PTPTN adalah satu perkara yang cukup bagus terutama bagi mereka yang mempunyai minat dalam bidang tertentu. Ini berlaku pada diri saya sendiri. Saya amat meminati bidang multimedia dan animasi tetapi kos pengajiannya amat mahal kerana ditawarkan di universiti swasta sahaja.

Di sinilah terletaknya peranan PTPTN yang menyediakan satu langkah awal ke arah mencapai cita-cita saya dalam bidang ini. Dengan peluang yang diberikan ini, saya belajar bersungguh-sungguh dan disiplinkan diri supaya mencapai keputusan cemerlang dalam setiap semester.

Alhamdulillah, dengan keputusan Kepujian Kelas Pertama bagi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Multimedia dan Animasi dari Universiti Multimedia (MMU), saya diberi pengecualian oleh PTPTN.

Seharusnya, pelajar menjadikan ini satu

motivasi terbaik untuk cemerlang di universiti sekali gus menjadikan kita insan yang bertanggungjawab dan mempunyai visi.

Satu perkara yang perlu kita ingat, sebagai penerima biaya, melunaskan pinjaman adalah satu tanggungjawab, malah lebih penting daripada hutang-hutang lain. Dengan ilmu yang kita perolehi itulah, kita gunakan selama-lamanya untuk mencari rezeki.

Perkara ini juga saya sentiasa ingatkan kepada 45 kakitangan syarikat Animosta. Saya sentiasa galakkan mereka membayar semula pinjaman kerana ia satu tanggungjawab dan tidak boleh diambil mudah.

MOHD. NIZAM ABD. RAZAK, 29
Pengarah Urusan Animosta Studios yang menerbitkan kartun animasi Boboiboy hingga menembusi pasaran Asia Tenggara terutama Indonesia, Filipina, Vietnam dan Singapura.



Jadi nadi pelajar - Parameswari



SAYA sangat terhutang budi terhadap PTPTN yang membantu saya ketika meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian India dan minor Sejarah di Universiti Malaya (UM) sehingga memperoleh Kepujian Kelas Pertama.

Dengan keputusan cemerlang ini, PTPTN menukar pembiayaan pendidikan saya kepada biasiswa tanpa perlu membayar satu sen pun!

Oleh itu, saya ingin menegaskan

bahawa hanya PTPTN dapat meyakinkan dan meningkatkan jumlah pelajar di IPTA dan IPTS dengan menghulurkan sumber kewangan pada waktu yang tepat.

PTPTN menjadi nadi kepada pelajar dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

K. PARAMESWARI, 29 tahun
Pelajar PhD Universiti Malaya dalam bidang Sejarah



FARIDAH YANIN, 45
Guru di SMK Pansau, Penampang, Sabah

Saya adalah kumpulan pertama yang menerima pembimbingan pendidikan dari PTPTN pada tahun 1997 semasa melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya dalam bidang Pendidikan Sastera Melayu. Untuk cemerlang, pelajar itu sendiri jadi penentu kerana PTPTN telah menyelesaikan masalah kewangan mereka



M. ZULMAJDI, 26
Eksekutif Pemasaran

PTPTN penuhi impian saya - Asyraf

TANPA bantuan PTPTN, kehidupan saya dan keluarga mungkin tidak akan berubah.

Membesar di Kuala Lumpur juga merupakan cabaran kepada kami sekeluarga dan saya seorang sahaja ahli keluarga yang berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat ijazah.

Detik perkenalan saya dengan PTPTN bermula pada tahun 2002. Ketika itu, saya ditawarkan melanjutkan pengajian ke peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampung Segamat dalam jurusan Diploma Perakaunan.

Saya bersyukur dengan sokongan yang diperolehi sepanjang bergelar penuntut universiti. Kerjaya hari ini memerlukan saya menjaga reputasi syarikat bertaraf dunia. Saya menganggap ini sebagai anugerah dan kepercayaan yang diberi kepada insan sederhana seperti saya.

Bagaimanapun, suatu hari nanti saya bercita-cita untuk menjadi seorang pensyarah dan juga mempunyai impian membuka syarikat perniagaan sendiri menjelang umur 35 tahun.



MUHAMAD ASYRAF AHMAD SUHAIBI, 26
Pegawai Kanan, Branding di Malaysia Airports Holdings Berhad

Peluang memasuki institusi pengajian tinggi sekarang lebih terbuka berbanding suatu ketika dahulu disebabkan adanya PTPTN. Pembiayaan pendidikan yang diperkenalkan sedikit sebanyak membantu meringankan beban dari segi kos sara hidup. Sebagai penerima biaya, saya bertanggungjawab untuk membayarnya kembali!

Peranan PTPTN sangat besar buat mereka yang bergelar pelajar. Saya pernah mengalamnya sendiri. Bapa hanya beri RM200 sebulan dan semestinya tidak mencukupi. Namun, dengan bantuan PTPTN saya belajar untuk lebih menghargai duit kerana duit PTPTN itu bukan duit kita. Saran saya mudah - jika anda meminjam wang PTPTN, hiduplah seperti seorang pelajar!

Jangan menyalahgunakan wang yang dipinjamkan kepada kita. Kalau bijak berbelanja pasti kita tidak menggunakan wang yang dipinjamkan itu sepenuhnya. Sekurang-kurangnya, boleh

guna wang 'baki' tersebut untuk membayar semula kepada PTPTN. Saya mula membayar RM50 setiap bulan sebaik sahaja tamat pengajian dan hanya menggunakan duit gaji daripada pekerjaan sambilan. Jangan tunggu sehingga mendapat surat atau amaran baru mahu bertindak.

FARA FAUZANA
Deejay radio popular, pengacara dan pelakon

Pengecualian beri motivasi - Wee Chang

SESUNGUHNYA, saya amat bersyukur dengan berkat kerja keras sepanjang di universiti, saya berjaya menamatkan pengajian dengan Kepujian Kelas Pertama. Untuk itu, PTPTN telah menukar pembiayaan pendidikan saya kepada biasiswa.

Atas sebab itu, saya berpendapat pembayaran balik PTPTN tidak seharusnya dimansuhkan bagi semua penerima biaya (yang bukan kelas pertama).

Sebaliknya, polisi pendidikan seperti pengecualian pembayaran balik PTPTN wajar dikekalkan supaya dapat memotivasi graduan untuk lebih berusaha dalam pelajaran.

Dalam masa sama, peminjam harus

membayar balik jumlah yang dipinjam supaya generasi akan datang dapat menerima kemudahan tersebut tanpa membebankan kerajaan.

PTPTN menjadi penyambung impian dan cita-cita pelajar dalam kalangan isi rumah terutama yang miskin untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

LEE WENG CHANG, 28
Pelajar PhD Universiti Utara Malaysia dalam bidang Ekonomi



Tawaran diskaun 10 hingga 20 peratus memberi kelebihan kepada mereka melunaskan pembiayaan pendidikan dengan segera dan peluang sedemikian tidak harus dilepaskan

HASLINA HASHIM, 34
Penolong Pegawai Cure and Care, Agensi Anti Dadah Kebangsaan

Hadiah paling manis - Nurul Afidah

SAYA berasal dari keluarga sederhana dan merupakan anak bongsu daripada lapan adik beradik.

Syukur Alhamdulillah, saya telah menerima wang pendahtuan daripada PTPTN sebanyak RM1,500. Ini membolehkan saya menjelaskan yuran pendaftran sebelum mendaftar diri ke UPSI.

Sebagai pelajar, memang menjadi tanggungjawab saya untuk belajar bersungguh-sungguh demi masa depan. Akhirnya, saya berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Perakaunan (Kepujian Kelas Pertama).

Ternyata hasil kerja keras ini amat ber-



baloi apabila pihak PTPTN mengumumkan berita gembira dengan memberi keistimewaan kepada graduan yang berjaya memperoleh Kepujian Kelas Pertama.

Sewajarnya, para pelajar universiti menjadikan peluang ini satu perangsang untuk mencapai kejayaan. PTPTN adalah langkah permulaan kepada kita untuk menjadi insan berjaya pada masa depan.

NURUL AFIDAH JAMIL, 25
Guru Matematik dan Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang



PTPTN memberi dorongan kepada pelajar memperoleh keputusan cemerlang dengan menukar pembiayaan pendidikan kepada biasiswa

FATIN AMALINA MAT JURI, 25
Penganalisa Sistem di Pac Design Sdn. Bhd, TM Annex 2

Dorongan untuk belajar - Thian Foong

DENGAN sokongan PTPTN sepanjang tiga tahun pengajian di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), saya dapat belajar dengan sepenuh hati tanpa risaukan beban kewangan.

Saya amat gembira kerana apa yang diusahakan membuatkan kejayaan apabila dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dan Perakaunan dengan Kepujian Kelas Pertama. Selain itu, dengan keputusan cemerlang, PTPTN telah mengeluarkan pembayaran pembiayaan pendidikan saya sebagai tanda penghargaan.

Bagi saya, PTPTN bukan sahaja menyelesaikan masalah kewangan pelajar yang miskin dengan pembiayaan pendidikan pada kadar faedah rendah tetapi turut mendorong mereka belajar bersungguh-sungguh.

CHENG THIAN FOONG, 28
Penolong Pengurus Akaun di SP Setia Berhad



Kemudahan pembiayaan pendidikan PTPTN memberi manfaat kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah untuk melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi dan mencapai cita-cita mereka

PUTERI AZIZAH MEGAT ARIFFIN, 31
Penolong Pegawai Cure and Care, Agensi Anti Dadah Kebangsaan



Komitmen kerajaan memberi potongan 10 peratus dan 20 peratus bagi penerima biaya dalam Bajet 2013 itu amat baik dan dapat menggalakkan mereka melunaskan pembiayaan pendidikan tanpa membebangkan. Ini satu inisiatif yang sangat baik

NIK FARIZAM NIK MUHA, 27
Penganalisa Sistem di Pac Design Sdn. Bhd., Bangunan Telekom (TM) Kelana Jaya



SUNEY LEO ERTZA NEO SULAIMAN, 26
Bekerja sendiri



HASLINA HASHIM, 34
Penolong Pegawai Cure and Care, Agensi Anti Dadah Kebangsaan

Pejabat PTPTN Cawangan Negeri

Ibu Pejabat PTPTN
Lot G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN KL Sentral
Unit 1 & 2A, 2B
Level 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur
50470 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN Putrajaya
Kementerian Pengajian Tinggi
No.2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

Info Centre PTPTN Sabah
Bilik Perbincangan 2 & 3
Tingkat M, Wisma Hasil
Jalan Tunku Abdul Rahman
88600, Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat PTPTN Negeri Sarawak
Lot 519, No. 15-I, Section 6, KTLD
Jalan Kulas, Al-Idros Commercial Centre
93400 Kuching, Sarawak

Pejabat PTPTN Negeri Pahang
No. 48, Malay Town
Jalan Putra Square 1, Putra Square
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Negeri Kelantan
Lot 1158 Tingkat Bawah, Jalan Doktor
15000 Kota Bharu, Kelantan

Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang
Politeknik Seberang Perai
Jalan Permatang Pauh
13500 Permatang Pauh
Seberang Perai, Pulau Pinang

Pejabat PTPTN
Cawangan UTC Kuala Lumpur
Lot T3-9, Tingkat 3, UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur

Pejabat PTPTN Negeri Melaka
Suite 4.2-4.5, Aras 4
Urban Transformation Center (UTC)
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka

Pejabat PTPTN Negeri Sembilan
Tingkat 3
Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban, Negeri Sembilan

Pejabat PTPTN Negeri Perak
No. 11 & 13 Tingkat Bawah
Persiaran Green Town 4
31300 Green Town, Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Negeri Terengganu
No. 37 (B6) Blok B
Tingkat Bawah, 1 dan 2
Dataran Emas, Jalan Sultan Sulaiman
20200 Kuala Terengganu, Terengganu

13 cawangan PTPTN
telah sedia beroperasi,
tiga lagi akan dibuka
**di Kedah, Sabah
dan Johor**

